

# Hasil laut kurang, terancam angkara bubu naga

Utm 23/9/2022 m/s.10

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Hasil laut di perairan negara khususnya di Johor, Perak, Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis akan berkurang jika masih ada nelayan mengusahakan bubu naga secara senyap-senyap.

Memburukkan keadaan apabila penggunaan peralatan itu menyebabkan 'eksploitasi' berlebihan sumber perikanan khususnya benih ikan dan hidupan marin sehingga berlakunya konflik antara nelayan yang menggunakan peralatan artisanal termasuk pukat hanyut.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Mohd. Sufian Sulaiman berkata, hasil tangkapan menggunakan bubu naga mampu meraih pendapatan 20 sehingga 50 peratus lebih tinggi berbanding pukat hanyut.

"Penggunaan bubu naga menyumbang kepada kematian anak udang, ketam dan ikan.

"Jadi tidak mustahil hasil laut berkurang sekali gus menjadi salah satu penyumbang kenakan harga ikan di negeri-negeri terlibat," katanya.

Jelasnya, rentetan itu, penggunaan bubu naga diharamkan



**SET bubu naga dirampas Jabatan Perikanan selepas dikesan dipasang kira-kira 0.15 batu nautika dari Pulau Perjudi, Port Dickson. - IHSAN JABATAN PERIKANAN**

kerajaan pada 2018.

Katanya, beberapa lagi kae-dah dilarang iaitu pukat tunda dua bot, pukat sorong, renjatan elektrik dan pukat hanyut.

Pengarah Bahagian Siasatan

Jenayah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Ma-laysia), Ahmad Faridi Ferdaus pula berkata, modus operandi digunakan nelayan adalah melabuhkan bubu naga pada waktu

petang ketika air pasang sebelum ditinggalkan semalam.

Katanya, secara keseluruhan 528 kes direkodkan pihaknya dengan nilai kerugian RM511,910 sejak 2018 sehingga kini.